

## **Pematuhan Format Penulisan Laporan Akhir Projek Pelajar Dalam Kalangan Pelajar JTMK, PSMZA**

Nor Zilaila Binti Jaafar, Aida Azmila Binti Azmi, Nor Azlina Binti Ibrahim  
Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin  
zilaila@psmza.edu.my, aida@psmza.edu.my, nor.azlina@psmza.edu.my

### **Abstrak**

Kajian tindakan ini dijalankan bagi mengatasi masalah ketidakpatuhan format penulisan laporan akhir projek pelajar dalam kalangan pelajar JTMK, PSMZA. Responden yang terlibat adalah 18 orang pelajar semester lima Program Diploma Pengaturcaraan, Jabatan Teknologi Maklumat dan Multimedia, Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Objektif kajian tindakan ini adalah untuk mengenalpasti pengetahuan pelajar tentang format penulisan laporan akhir, pemahaman pelajar tentang format penulisan laporan akhir dan penggunaan senarai pematuhan penulisan laporan akhir. Kaedah kajian yang digunakan ialah kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif. Hasil pelaksanaan kajian ini mendapati 83% responden tiada pengetahuan tentang penulisan laporan akhir dan 95% responden tidak memahami format penulisan laporan akhir. 100% responden bersedia untuk menggunakan senarai pematuhan format penulisan laporan akhir. Perancangan tindakan yang dijalankan adalah dengan menunjukkan contoh laporan yang bermutu kepada pelajar dengan menggunakan Sistem Inventori Laporan Akhir Projek Pelajar Versi 2.0 untuk dijadikan rujukan pelajar, memberikan senarai pematuhan format laporan akhir kepada pelajar sebagai panduan dalam menyediakan laporan akhir dan membuat semakan secara berkala laporan akhir untuk memastikan tiada kesilapan dalam penulisan laporan akhir pelajar. Hasilnya didapati terdapat 28% peningkatan peratusan pelajar mendapat pencapaian cemerlang.

**Kata kunci:** Laporan akhir; projek pelajar; pematuhan

### **Abstract**

This study was carried out to address the problem of non-compliance of the final report writing format of the students among JTMK students, PSMZA. The respondents involved were 18 five semester students of Program Diploma Programming, Department of Information Technology and Multimedia, Polytechnic of Sultan Mizan Zainal Abidin. The purpose of this study is to identify the students' knowledge of the final report format, the students' understanding of the final report format, and the use of the final report writing report. The research method used is quantitative and qualitative study method. The results of this study show that 83% of respondents have no knowledge about final report writing and 95% of respondents do not understand the format of final report writing. 100% respondents are willing to use the list of compliance format final report writing. The action plan is to illustrate a good quality report to the students by using the Student Project Final Report Inventory Version 2.0 for reference as a student, providing a list of final reporting format for students as a guide in preparing the final report and checking the final report for making sure there is no mistake in writing the final report of the student. The result is that there is a 28% increase in percentage of students achieving excellent achievement.

**Keywords:** Final report; student project; compliance

### **Refleksi Kajian**

Kursus projek (DFT 6124) merupakan satu kursus wajib bagi program Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) yang perlu dilaksanakan sebagai memenuhi syarat kelayakan penganugerahan Diploma Teknologi Maklumat (Pengaturcaraan) Politeknik Kementerian.

Kursus ini memberi ruang kepada pelajar untuk mengaplikasi pengetahuan dan kemahiran terdahulu serta mempamerkan keupayaan dalam merealisasikan idea, kreativiti, inovasi dan penyelesaian masalah ke arah penghasilan projek yang mempunyai nilai komersial dan berdaya saing.

Pelaksanaan projek merangkumi semua proses pengajaran dan pembelajaran iaitu secara teoritikal, praktikal, penulisan ilmiah, pemantauan, penilaian dan lain-lain. Sepanjang pelaksanaan projek, pelajar dibimbing oleh penyelia untuk meneroka pengetahuan dan kemahiran baharu. Pengurusan dan penyelarasan projek pelajar juga melibatkan kerjasama penyelar, panel penilai dan Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersialan (UPIK).

Buku Panduan Projek Pelajar Politeknik Malaysia (Program Diploma) Edisi 2016, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merupakan rujukan dan panduan umum terutamanya kepada pensyarah dan pelajar serta semua pihak yang terlibat dalam penyediaan dan pelaksanaan kursus projek pelajar. Buku panduan ini memberi penjelasan mengenai penyediaan, pelaksanaan dan pelaporan projek. Ia juga bertujuan untuk menyelaraskan pelaksanaan projek pelajar di semua politeknik.

Pelaporan projek merupakan elemen penting dalam kursus DFT 6124. Berdasarkan kepada pemerhatian oleh penyelidik pada minggu 3 pengajaran dan pembelajaran sesi Jun 2017 iaitu minggu untuk penghantaran kertas cadangan projek akhir pelajar, didapati hampir 83% daripada 18 pelajar semester 5 bagi JTMK di bawah seliaan Nor Azlina binti Ibrahim, Aida Azmila binti Azmi dan Nor Zilaila binti Jaafar tidak mematuhi format penulisan laporan akhir yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan tahap pengetahuan pelajar semester 5 JTMK dalam penulisan laporan sangat rendah. Sehubungan itu, pensyarah JTMK telah bertindak dengan memberi taklimat dan penerangan tentang format penulisan laporan akhir yang betul semasa sesi kuliah mengikut Panduan Projek (Program Diploma) Politeknik Malaysia Kementerian Pendidikan Tinggi 2016.

Sebagai penyelia tindakan perlu dilakukan untuk mengatasi masalah ini selaras dengan dapatan yang telah diproleh (Abdullah & Razak, n.d.) iaitu Penambahbaikan dalam sistem pendidikan hanya dapat dicapai melalui pendidik kerana mereka ialah pelaksana kurikulum di proses pembelajaran. Sebagai pendidik mereka merupakan entiti yang penting dalam sistem pendidikan. Oleh yang demikian, bagi menyelesaikan permasalahan ini, penyelidik bermotivasi untuk membuat kajian bagi mengenalpasti pengetahuan pelajar tentang pematuhan format penulisan laporan akhir pelajar JTMK, PSMZA.

### **Fokus Kajian**

Fokus kajian ini adalah bagi mengenalpasti pematuhan format penulisan laporan akhir dalam kalangan pelajar JTMK semester 5 sesi Jun 2017 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin.

## **Objektif Kajian**

### *Objektif Umum*

Kajian ini bertujuan mengatasi masalah ketidakpatuhan format penulisan laporan akhir projek pelajar dalam kalangan pelajar JTMK, PSMZA semester 5 sesi Jun 2017 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin dalam melahirkan graduan yang cemerlang dan diterima oleh pihak industri.

### *Objektif Khusus*

1. Mengenalpasti pengetahuan pelajar tentang format penulisan laporan akhir.
2. Mengenalpasti pemahaman pelajar tentang format penulisan laporan akhir.
3. Mengenalpasti penggunaan senarai pematuhan format penulisan laporan akhir.

## **Kumpulan Sasaran**

Kumpulan sasaran kajian ini terdiri daripada pelajar JTMK semester lima sesi Jun 2017, PSMZA. Responden terdiri daripada 18 orang pelajar JTMK yang mengambil kursus DFT 6124(Project) dibawah seliaan Nor Zilaila binti Jaafar, Aida Azmila binti Azmi dan Nor Azlina binti Ibrahim.

## **Perlaksanaan Kajian**

Kaedah kajian yang digunakan adalah secara kaedah campuran iaitu menggabungkan kaedah kuantitatif melalui proses pengumpulan data soal selidik dan kaedah kualitatif secara temubual. Borang soal selidik diedarkan kepada 18 pelajar yang mengambil kursus DFT 6124 (Project).

### *Soal selidik*

Penyelidik telah menyediakan borang soal selidik untuk mengenalpasti pematuhan format penulisan laporan akhir pelajar JTMK semester 5 sesi Jun 2017 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Borang soal selidik kajian mengandungi empat konstruk iaitu bahagian A untuk demografi, bahagian B untuk mengenalpasti pengetahuan pelajar tentang format penulisan laporan akhir, bahagian C untuk mengenalpasti pemahaman pelajar tentang format penulisan laporan akhir dan bahagian D untuk mengenalpasti penggunaan senarai pematuhan format penulisan laporan akhir. Konstruk bahagian B, C dan D mengandungi lapan belas instrumen. Hasil yang diperolehi direkodkan dalam bentuk jadual dan graf serta dianalisa.


### Temubual

Satu set soalan temu bual telah disediakan bagi mendapatkan maklum balas lisan daripada pelajar berkenaan isu kajian. Temu bual dijalankan secara interaksi bersemuka antara penyelidik dengan responden yang mengandungi tujuh soalan. Menurut Jasmi (2012), kaedah ini menggunakan penemu ramah yang menjalankan temu bual yang terperinci berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan. Apa-apa yang disebutkan oleh responden merupakan data penting kajian. Tindak balas yang relevan akan dicatatkan kata demi kata. Melalui kaedah ini seseorang pengkaji boleh memperoleh kefahaman yang meluas dan sempurna dengan cara mendalami sesebuah topik tertentu.

### Soal selidik

a) *Pengetahuan pelajar tentang format penulisan laporan akhir.*

Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan mendapati bahawa pengetahuan pelajar tentang format penulisan laporan akhir adalah seperti Rajah 1 di bawah.



**Rajah 1:** Pengetahuan pelajar tentang format laporan akhir.

**Jadual 1:** Pengetahuan pelajar tentang format laporan akhir.

<b>PETUNJUK</b>			
<b>BIL</b>	<b>ITEM</b>	<b>PERATUS</b>	
		<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>
<b>B 1</b>	Saya tahu tentang format penulisan laporan akhir.	17	83
<b>B 2</b>	Saya telah diberi taklimat tentang format penulisan laporan akhir pada sesi taklimat Projek sesi JUN 2017.	67	33
<b>B 3</b>	Saya tahu tentang teknik penulisan untuk penulisan laporan akhir.	12	88
<b>B 4</b>	Saya tahu tentang penggunaan bahasa yang dibenarkan untuk penulisan laporan akhir.	12	88
<b>B 5</b>	Saya tahu tentang Kandungan Tesis untuk penulisan laporan akhir.	12	88
<b>B6</b>	Saya tahu tentang Penulisan rujukan	12	88


Berdasarkan Jadual 1 iaitu pengetahuan pelajar terhadap format laporan akhir mendapat peratusan interpretasi perangkaan yang menunjukkan sejumlah enam item bersetuju. (B1=17,B2=67,B3=12,B4=12,B4=12,B5=12,B6=12) peratus dan enam item tidak bersetuju (B1=83,B2=33,B3=88,B4=88,B5=88,B6=88) peratus.

Berdasarkan analisa yang dijalankan didapati pengetahuan pelajar terhadap format penulisan laporan akhir berada di peratusan yang rendah. Ini dapat dilihat pada peratusan 88% pada Item (B3,B4,B5,B6) dimana didapati pelajar yang tidak mengetahui teknik penulisan laporan akhir, tidak mengetahui penggunaan bahasa yang dibenarkan dalam penulisan laporan akhir, tidak mengetahui tentang kandungan tesis yang betul dan tidak tahu untuk menulis rujukan yang betul.

Walaupun pelajar telah diberi taklimat pada awal semester iaitu pada 11.6.2017 yang disampaikan oleh unit projek JTMK masih terdapat pelajar yang tidak memberi fokus semasa taklimat. Dapatan ini membuktikan bahawa pelajar dibawah seliaan Nor Azlina,Norzilaila dan Aida Azmila masih tidak mengetahui tentang format penulisan laporan akhir.

*b) Pemahaman pelajar tentang format penulisan laporan akhir.*

Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan mendapati bahawa pemahaman pelajar tentang format penulisan laporan akhir adalah seperti Rajah 2 di bawah.



**Rajah 2:** Pemahaman pelajar tentang format laporan akhir.

Berdasarkan Jadual 2 iaitu pemahaman pelajar terhadap format laporan akhir, mendapat peratusan interpretasi perangkaan yang menunjukkan sejumlah enam item bersetuju (C1=6,C2=11,C3=33,C4=28,C5=6,C6=28) peratus dan enam item tidak bersetuju (C1=94,C2=89,C3=67,C4=72,C5=94,C6=72) peratus.


Pemahaman pelajar terhadap format laporan akhir turut dianalisis kerana ia merupakan aspek yang paling penting dalam kursus DFT6124 Projek. Hasil analisa menunjukkan responden tidak memahami format penulisan laporan akhir dan tidak memahami untuk menulis rujukan. Jadual 2 menunjukkan menjelaskan pemahaman pelajar untuk menulis rujukan adalah rendah berdasarkan item C5 dengan peratusan 94% tidak bersetuju.

**Jadual 2:** Pemahaman pelajar tentang format laporan akhir.

PETUNJUK			
BIL	ITEM	PERATUS	
		YA	TIDAK
<b>C 1</b>	Saya memahami format penulisan laporan akhir.	6	94
<b>C 2</b>	Saya memahami teknik penulisan untuk penulisan laporan akhir.	11	89
<b>C 3</b>	Saya memahami penggunaan bahasa yang dibenarkan untuk penulisan laporan akhir.	33	67
<b>C 4</b>	Saya memahami kandungan tesis untuk penulisan laporan akhir.	28	72
<b>C 5</b>	Saya memahami tentang penulisan rujukan untuk laporan akhir.	6	94
<b>C6</b>	Saya memahami cara penghantaran tesis dilakukan.	28	72

c) *Penggunaan Senarai Pematuhan Format Penulisan Laporan Akhir.*

Analisis data daripada soal selidik yang telah dijalankan mendapati bahawa penggunaan format penulisan laporan akhir adalah seperti Rajah 4 di bawah.



**Rajah 3:** Penggunaan Senarai Pematuhan format laporan akhir.

Berdasarkan jadual 3 iaitu penggunaan format laporan akhir mendapat peratusan interpretasi perangkaan yang menunjukkan sejumlah enam item bersetuju (D1=100,D2=100,D3=33,D4=33,D5=33,D6=33) peratus dan terdapat enam item tidak bersetuju (D1=100,C2=100,D3=66,D4=66,D5=66,D6=66) peratus.

Analisa dari aspek penggunaan senarai pematuhan format penulisan laporan akhir turut dilakukan. Ini dapat mengetahui kepentingan penggunaan senarai pematuhan penulisan laporan akhir dalam menghasilkan laporan akhir yang berkualiti. Hasil daripada analisis mendapati 100% pelajar bersetuju untuk menggunakan senarai pematuhan penulisan laporan akhir dan akan membimbing rakan sebaya untuk menggunakan senarai pematuhan penulisan laporan akhir.

**Jadual 3:** Penggunaan Senarai Pematuhan Format Penulisan laporan akhir.

<b>PETUNJUK</b>			
<b>BIL</b>	<b>ITEM</b>	<b>PERATUS</b>	
		<b>YA</b>	<b>TIDAK</b>
<b>D 1</b>	Saya bersedia menggunakan pematuhan format laporan akhir dalam penulisan laporan akhir.	100	0
<b>D 2</b>	Saya bersedia untuk membimbing rakan sebaya menggunakan senarai pematuhan format laporan akhir dalam penulisan laporan akhir.	100	0
<b>D 3</b>	Saya sentiasa merujuk senarai pematuhan format laporan dalam penghasilan kandungan tesis.	33	67
<b>D 4</b>	Saya sentiasa merujuk senarai pematuhan format laporan dalam penulisan rujukan.	33	67
<b>D 5</b>	Saya menggunakan senarai pematuhan format laporan akhir dalam menyediakan proposal.	33	67
<b>D 6</b>	Saya menggunakan senarai pematuhan format laporan akhir dalam menyediakan laporan akhir.	33	67

#### *Analisa Temu Bual*

Terdapat lapan soalan temu bual dikemukakan kepada semua responden yang terlibat. Sesi temu bual dikendalikan oleh penyelidik dalam dua kumpulan yang berbeza. Kedua-dua kumpulan diajukan soalan yang sama. Pembahagian kumpulan tersebut hanya sebagai langkah penjimatan masa dan penggunaan sumber tenaga yang efektif sahaja.

Berdasarkan jadual di atas, penyelidik telah menstruktur peratusan jawapan temubual dalam bentuk jawapan positif dan negatif. Penstrukturan tersebut bagi memudahkan analisa dibuat.

#### *Penentuan Kod*

Kod A1-Sebanyak 80% responden pelajar tidak bersetuju boleh menulis laporan akhir yang baik mengikut format yang telah ditetapkan, manakala 20% lagi menyatakan sebaliknya.

Kod A2 -Pelajar menyatakan 75% bersetuju untk menggunakan sistem yang telah dibangunkan oleh pensyarah JTMK dalam membantu menghasilkan laporan akhir yang baik. Laporan pelajar semester sebelum ini dapat dicapai dengan mudah untuk dijadikan rujukan dalam menghasilkan laporan.



Kod A3 -Dapatan menunjukkan 85% pelajar akan menggunakan Sistem inventori projek akhir akan digunakan oleh pelajar.15% tidak bersetuju untuk menggunakan Sistem inventori projek akhir.

Kod A4-Pelajar menyatakan 85% bersetuju memerlukan senarai pematuhan format laporan akhir untuk menghasilkan laporan akhir yang baik. manakala 15% lagi menyatakan sebaliknya.

Kod A5-Bersedia untuk menggunakan laporan senarai pematuhan format laporan akhir untuk menghasilkan laporan akhir sebanyak 80% responden pelajar bersetuju.

Kod A6-Bagi mengatasi masalah pemahaman pelajar terhadap format laporan akhir penghasilan, sebanyak 100% pelajar bersetuju bahawa mereka perlu memerlukan bimbingan pensyarah dalam penulisan laporan akhir.

Kod A7- Didapati 95% pelajar setuju laporan disemak secara berkala kerana melalui kaedah ini pelajar dapat membuat pembetulan seterusnya dapat menghasilkan laporan mengikut format yang ditetapkan.Hanya 5% pelajar tidak bersetuju.

**Jadual 4:** Penentuan kod dan soalan temu bual

<b>Kod</b>	<b>Soalan Temu Bual</b>	<b>Respon</b>	<b>Peratus (%)</b>
A1	Saya boleh menulis laporan akhir yang baik mengikut format yang telah ditetapkan?	Positif	20%
		Negatif	80%
A2	Saya memerlukan satu sistem inventori projek akhir untuk dijadikan rujukan.	Positif	75%
		Negatif	25%
A3	Saya suka menggunakan sistem inventori projek akhir untuk dijadikan rujukan	Positif	85%
		Negatif	15%
A4	Saya memerlukan senarai pematuhan format penulisan laporan akhir.	Positif	85%
		Negatif	15%
A5	Saya akan menggunakan senarai pematuhan format penulisan laporan akhir dalam menulis laporan akhir.	Positif	90%
		Negatif	10%
A6	Saya memerlukan bimbingan pensyarah dalam penulisan laporan akhir?	Positif	100%
		Negatif	0%
A7	Saya suka laporan saya disemak secara berkala oleh pensyarah?	Positif	95%
		Negatif	5%

## **Kesimpulan**

Hasil daripada soal selidik dan temubual yang dijalankan, dapatlah disimpulkan 88% responden pelajar tidak mengetahui teknik penulisan, kandungan tesis dan penulisan rujukan berikutan tiadanya pengetahuan terhadap format penulisan laporan akhir dengan dapatan 83% responden pelajar tidak tahu tentang format penulisan laporan akhir. Dapatan ini disokong lagi dengan 94% responden pelajar mengakui tidak memahami format penulisan laporan akhir yang ditetapkan oleh pihak JTMK. Ini dapat dibuktikan melalui sesi temu bual iaitu sebanyak 80% responden pelajar menyatakan tidak boleh menulis laporan akhir yang baik mengikut format yang ditetapkan.

## **Tindakan yang Dijalankan**

Hasil daripada analisa di atas, penyelidik telah menjalankan beberapa tindakan untuk menyelesaikan masalah tersebut seperti berikut:

1. Pensyarah menunjukkan contoh laporan yang bermutu kepada pelajar dengan menggunakan Sistem Inventori Laporan Akhir Projek Pelajar Versi 2.0 untuk dijadikan rujukan pelajar.
2. Pensyarah memberikan senarai pematuhan format laporan akhir kepada pelajar sebagai panduan dalam menyediakan laporan akhir.
3. Pensyarah membuat semakan secara berkala laporan akhir untuk memastikan tiada kesilapan dalam penulisan laporan akhir pelajar.

## **Pelaksanaan Tindakan dan Pemerhatian dan Penilaian.**

### *Langkah 1*

Pelaksanaan tindakan 7.1 dilaksanakan oleh pensyarah di dalam kelas selama 3 minggu berturut-turut. Pensyarah menunjukkan contoh-contoh laporan yang bermutu kepada pelajar dengan menggunakan Sistem Inventori Laporan Akhir Projek Pelajar Versi 2.0 untuk dijadikan rujukan pelajar akan datang. Pelajar boleh mencapai sistem ini tanpa mengira masa dan tempat. Pelajar boleh melihat contoh laporan akhir untuk dijadikan rujukan dalam penghasilan laporan akhir.

### *Langkah 2*

Pelaksanaan tindakan 7.2 dilaksanakan oleh pensyarah pada minggu 4 hingga minggu 15 sesi P&P sesi Jun 2017. Pensyarah menyediakan satu senarai pematuhan format laporan akhir yang merangkumi lima bahagian iaitu teknik penulisan, kandungan tesis, penggunaan bahasa, format penulisan, penulisan rujukan dan penghantaran tesis. Senarai pematuhan ini diwujudkan sebagai panduan kepada pelajar dalam menyediakan laporan akhir yang bermutu. Dengan menggunakan senarai pematuhan format laporan akhir, pelajar dapat menghasilkan laporan akhir yang baik dan bermutu.

### *Langkah 3*

Pelaksanaan tindakan 7.3 dilaksanakan dengan pensyarah membuat semakan secara berkala laporan akhir untuk memastikan tiada kesilapan dalam penulisan laporan akhir pelajar. Menurut Mohamad Burhan(2016) apabila pendidik mengambil berat perkembangan akademik setiap pelajar dengan cara berbincang bersama pelajar bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan mereka situasi ini akan menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran berjaya. Pelajar akan menghantar laporan mengikut bab dari bab 1 sehingga bab 5. Pensyarah menyemak laporan akhir yang dihantar oleh pelajar setiap minggu sepanjang sesi P&P sesi Jun 2017. Pelajar boleh membuat pembetulan sekiranya terdapat ketidakpatuhan dalam penulisan laporan akhir. Dengan tindakan ini laporan yang disediakan dapat dihasilkan dengan baik mengikut format yang ditetapkan dan bermutu. Setiap kali sesi perjumpaan dengan penyelia projek pelajar dapat menunjukkan hasil penulisan laporan yang betul mengikut senarai pematuhan format laporan akhir. Hal ini bermakna kelemahan pelajar dalam menghasilkan laporan yang tidak baik dapat diminimumkan. Setelah senarai format pematuhan penulisan akhir diberikan kepada pelajar didapati respon positif daripada pelajar terhadap pengetahuan tentang format penulisan laporan akhir meningkat.

### **Refleksi Kajian**

Selepas sebulan melatih pelajar dengan menunjukkan contoh laporan yang bermutu kepada pelajar dengan menggunakan Sistem Inventori Laporan Akhir Projek Pelajar Versi 2.0, memberikan senarai pematuhan format laporan akhir kepada pelajar sebagai panduan dalam menyediakan laporan akhir dan membuat semakan secara berkala laporan akhir untuk memastikan tiada kesilapan dalam penulisan laporan akhir pelajar, didapati prestasi pelajar telah meningkat menjadi lebih baik. Ini boleh dilihat melalui markah pelajar selepas tindakan dilaksanakan.

Jadual 5 menunjukkan perbandingan pencapaian markah dan gred pelajar dalam kursus DFT6124 (Project). Perbandingan markah gred ini adalah hasil dapatan dari kertas cadangan dan laporan akhir sesi Jun 2017. Secara keseluruhan, para pelajar telah menunjukkan peningkatan daya pemahaman ke atas penulisan laporan akhir. Seramai 28% pelajar telah mencapai gred A. Manakala bagi gred B, peningkatan pencapaian pelajar adalah sebanyak 5% iaitu meningkat kepada 33%. Bagi gred C dan D menunjukkan penurunan nilai pencapaian sebanyak 27% bagi gred C dan 6% bagi gred D. Tiada perubahan pencapaian dalam gred E dengan 11% pelajar.

**Jadual 5:** Perbandingan peratusan pencapaian gred pelajar ke atas kursus DFT6124 (Project)

Markah	Gred	Peratus pencapaian sebelum tindakan (%)	Status pencapaian	Peratus pencapaian selepas tindakan (%)	Status pencapaian
90 - 100	A+	0	0%	0	28%
80 - 89	A	0		17	
75 - 79	A-	0		11	
70 - 74	B+	0	28%	6	33%
65 - 69	B	17		17	
60 - 64	B-	11		11	
55 - 59	C+	11	44%	17	17%
50 - 54	C	17		0	
47 - 49	C-	17		0	
44 - 46	D+	17	17%	11	11%
40 - 43	D	0		0	
30 - 39	E	11	11%	11	11%
20 - 29	E-	0		0	

### **Cadangan Untuk Meneruskan Kajian Tindakan**

Beberapa cadangan untuk kajian yang seterusnya adalah seperti berikut:

1. Kajian terhadap penggunaan aplikasi telefon pintar dalam proses penghasilan laporan akhir.
2. Kajian terhadap penghasilan projek akhir yang kreatif.
3. Kajian penggunaan sistem untuk penghantaran laporan akhir JTMK.

### **Penutup**

Pengetahuan, pemahaman dan penggunaan mengenai senarai pematuhan format laporan akhir pelajar dalam menghasilkan pelajar yang mampu untuk menghasilkan sesuatu laporan yang berkualiti perlu diberi perhatian secara serius kerana boleh memberi kesan terhadap pelajar untuk dipersembahkan kepada pihak industri selari dengan misi politeknik dalam melahirkan pelajar separa profesional. Seandainya pelajar mengalami masalah untuk penguasai penulisan laporan, pensyarah seharusnya peka terhadap masalah pembelajaran pelajar dan berusaha untuk mengatasinya dengan menggunakan strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan. Oleh itu senarai format pematuhan penulisan akhir yang diserapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran DFT 6124(Poject) diharap mampu meningkatkan penguasaan pelajar dalam dalam menghasilkan laporan dan seterusnya

dapat menghasilkan pelajar boleh membawa laporan yang berkualiti yang diperlukan oleh pihak industri.

### **Rujukan**

- Abdullah, S. N. A. S. bt, & Razak, D. A. Z. b A. (n.d.). Aspek Kesesuaian Latihan Dalam Perkhidmatan dan Hubungannya Dengan Peningkatan Profesionalisme Keguruan.
- Mohamad, M. I. B. K. & A. B. (1996). Kajian Gaya Pembelajaran Dalam Kalangan Pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Sains Serta Pendidikan (Fizik) Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif in Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012 at Puteri Resort Melaka on 28-29 Mac 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.
- Jasmi, K. A. (2014). Penghasilan Buku Penyelidikan daripada Tesis Pengajian Islam dan pendidikan Islam in Bengkel Penulisan dan Penerbitan Akademik, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Burhan N., Tamuri A H, & Mohd Nordin N. (2016). Pembinaan Hubungan di antara Guru dengan Pelajar in *Technical and Social Science Journal (TSSJ)*, 5(1) p. 138-148. ISSN: 2289-7356.
- Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi. (2008). Buku manual kajian tindakan (Edisi Ketiga). Putrajaya; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pendidikan Tinggi. (2016). Buku Panduan Projek Pelajar (Program Diploma) politeknik malaysia kementerian Pendidikan Tinggi Edisi 2016. Putrajaya; Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan Kementerian Pelajaran Malaysia.